



**SOROTAN KHAS**

## Sorotan Khas

# Dasar Gaji Progresif

Dasar Gaji Progresif (*Progressive Wage Policy*, PWP) mewakili perubahan ketara dalam landskap pasaran pekerja Malaysia. PWP, yang diperkenalkan oleh Kementerian Ekonomi pada November 2023, dibangunkan berdasarkan dasar sedia ada seperti Gaji Minimum dan Sistem Gaji berdasarkan Produktiviti. Objektif PWP adalah untuk memotivasi majikan, terutamanya PMKS untuk meningkatkan gaji melalui sistem berstruktur dengan kenaikan gaji adalah setimpal dengan peningkatan kemahiran dan pertumbuhan produktiviti, sekali gus menggalakkan gaji yang lebih tinggi, produktiviti yang lebih baik dan pembangunan kemahiran.

PWP merupakan program sukarela yang menawarkan insentif kewangan untuk menggalakkan penyertaan, tanpa sebarang penalti jika tidak menyertai. Program ini akan memberi manfaat kepada pekerja Malaysia peringkat permulaan dan bukan permulaan daripada pelbagai sektor yang memperoleh gaji bulanan antara RM1,500 dan RM4,999. Syarikat yang mengambil bahagian akan menerima insentif bulanan selama setahun, dengan insentif adalah sehingga RM200 bagi pekerja peringkat permulaan dan sehingga RM300 bagi pekerja peringkat bukan permulaan. Pekerja peringkat permulaan merujuk kepada pekerja yang berada dalam tahun pertama perkhidmatan di sebuah syarikat dan berkhidmat dalam jawatan tersebut. Pekerja peringkat bukan permulaan adalah mereka yang telah memegang jawatan dalam sebuah syarikat melebihi setahun.

Insentif tersebut akan membolehkan syarikat menyesuaikan rancangan perniagaan mereka dengan mengambil kira peningkatan kos pekerja di bawah PWP. Kenaikan gaji mesti selaras dengan garis panduan gaji PWP dan pekerja perlu melengkapkan latihan kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan. Garis panduan gaji yang akan dikemas kini setiap tahun dan berbeza mengikut sektor ekonomi dan kategori pekerjaan berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (*Malaysia Standard Classification of Occupations*, MASCO), akan ditentukan oleh jawatankuasa khas PWP.

Sementara itu, jumlah insentif yang layak diterima oleh sebuah syarikat akan ditentukan oleh Kerajaan berdasarkan kedudukan fiskal negara. Syarikat yang mengemukakan tuntutan insentif mesti menyediakan bukti dokumentasi bahawa pekerja telah menghadiri dan melengkapkan latihan peningkatan kemahiran dengan tempoh minimum 21 jam (3 hari). Latihan boleh dijalankan melalui mana-mana platform latihan sedia ada sama ada secara fizikal, latihan dalam talian jarak jauh, e-pembelajaran atau secara hibrid.

Ciri yang berdasarkan produktiviti ini adalah sebahagian daripada strategi dalam rangka kerja PWP dan perancangan ekonomi negara yang menekankan pembelajaran berterusan serta menggalakkan syarikat meningkatkan pelaburan dalam teknologi dan automasi.



Syarikat yang mengambil bahagian akan menerima insentif bulanan selama setahun, dengan insentif adalah sehingga RM200 bagi pekerja peringkat permulaan dan sehingga RM300 bagi pekerja peringkat bukan permulaan.

Penyertaan dalam PWP adalah terbuka hanya kepada syarikat yang memenuhi kriteria berikut:

Berdaftar dengan SSM, pihak berkuasa tempatan, atau organisasi lain

Berdaftar dengan PERKESO dan KWSP

Menggaji pekerja sepenuh masa yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan

Syarikat multinasional dan syarikat berkaitan Kerajaan adalah TIDAK LAYAK

Menggaji pekerja yang menerima gaji asas yang tidak melebihi had gaji yang ditetapkan oleh Jawatankuasa PWP

Terbuka kepada semua sektor kecuali sektor pentadbiran awam & pertahanan; aktiviti sosial wajib; serta aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah

Projek rintis yang melibatkan 1,000 syarikat telah dijalankan dari bulan Jun hingga Ogos 2024 dengan objektif utama untuk menilai reaksi majikan terhadap PWP serta mendapatkan maklum balas mengenai garis panduan gaji dan pelaksanaan dasar secara keseluruhan. Bagi projek rintis, had gaji yang ditetapkan adalah antara RM1,500 ke RM4,999 sebulan, meliputi lima sektor ekonomi seperti di bawah.



Pembuatan



Pembinaan



Maklumat dan Komunikasi



Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal



Perdagangan Borong & Runcit dan Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal

Penilaian impak untuk menilai keberkesanan projek rintis telah dijalankan pada bulan September 2024. Laporan tersebut akan dibentangkan kepada Kabinet sebelum keputusan dibuat mengenai pelaksanaan penuh PWP.



## Sorotan Khas

# Laporan Masa Depan Pekerjaan 2023

Pada zaman kemajuan teknologi yang pesat dan permintaan pasaran yang semakin berkembang, adalah penting untuk mendapatkan maklumat mengenai pasaran pekerjaan masa depan. Laporan Masa Depan Pekerjaan 2023 oleh Forum Ekonomi Dunia menekankan bagaimana cabaran kesihatan global, ekonomi dan geopolitik sedang membentuk semula landskap tenaga kerja. Trend ini merangsang permintaan untuk pekerjaan dan kemahiran baharu serta mencipta hasil yang berbeza bagi pasaran pekerja di seluruh dunia.

Transformasi perniagaan dan pasaran pekerja adalah dipacu oleh penerapan teknologi. Laporan tersebut menyatakan bahawa lebih 85% daripada syarikat yang dikaji percaya bahawa penerapan teknologi baharu & maju serta memperluas akses digital akan memainkan peranan utama dalam mengubah operasi mereka. Banyak syarikat juga mengakui bahawa menerapkan piawaian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social & governance, ESG*) dalam amalan mereka akan memberi impak yang ketara terhadap cara perniagaan dijalankan pada masa depan. Trend ini mencerminkan kepentingan teknologi dan kelestarian yang semakin meningkat dalam membentuk hala tuju firma di seluruh dunia.

Selain itu, perniagaan menjangkakan bahawa pelaburan dalam inisiatif hijau, seperti peralihan kepada amalan mesra alam, akan mencetuskan penciptaan pekerjaan yang ketara. Penerapan lebih meluas piawaian ESG dan penyesuaian rantaian bekalan dijangka akan mencipta peluang pekerjaan baharu. Walau bagaimanapun, perubahan ini juga mungkin mengakibatkan beberapa kehilangan pekerjaan memandangkan industri menyesuaikan diri dengan cara kerja baharu.

**Pertumbuhan pekerjaan pada masa depan akan dibentuk oleh gabungan trend global utama dan penggunaan teknologi yang semakin meningkat. Peranan berkaitan teknologi, pendigitalan dan kelestarian paling berkembang pesat, dengan kebanyakan daripadanya berada dalam bidang teknologi.**


Dalam penerapan teknologi, banyak firma merancang untuk menerapkan data raya, pengkomputeran awan dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence, AI*) dalam tempoh lima tahun akan datang, dengan lebih 75% menunjukkan minat untuk menggunakaninya. Platform & aplikasi digital adalah lebih popular dengan 86% firma merancang untuk mengintegrasikannya ke dalam operasi mereka. Peningkatan e-dagang & perdagangan digital juga agak ketara dengan 75% perniagaan merancang untuk menggunakan peralatan ini.

Pertumbuhan pekerjaan pada masa depan akan dibentuk oleh gabungan trend global utama dan penggunaan teknologi yang semakin meningkat. Peranan berkaitan teknologi, pendigitalan dan kelestarian paling berkembang pesat, dengan kebanyakan daripadanya berada dalam bidang teknologi. Tempat teratas dalam senarai adalah Pakar AI dan Pembelajaran Mesin, diikuti oleh Pakar Kelestarian, Penganalisis Kecerdasan Perniagaan dan Penganalisis Keselamatan Maklumat. Pekerjaan dalam tenaga boleh baharu seperti Jurutera Tenaga Boleh Baharu dan Jurutera Pemasangan Tenaga Solar, juga berkembang pesat apabila ekonomi bergerak ke arah penyelesaian tenaga yang lebih bersih.

Pemikiran analitikal semakin dianggap sebagai kemahiran penting oleh syarikat, menduduki tempat teratas sebagai keupayaan kognitif yang paling penting merentasi pelbagai industri. Pemikiran analitikal merangkumi secara purata 9% daripada kemahiran teras yang dikenal pasti oleh majikan, mencerminkan kepentingannya dalam mengemudi persekitaran kerja yang kompleks. Tempat kedua adalah pemikiran kreatif, menekankan nilai yang diberi terhadap penyelesaian masalah yang inovatif. Kemahiran ini dianggap penting dalam konteks tempat kerja yang berubah pantas memandangkan keupayaan untuk menyesuaikan diri adalah penting. Dengan syarikat berdepan dengan gangguan (*disruptions*), tiga kemahiran kecekapan diri iaitu ketahanan, fleksibiliti & kelincahan; motivasi & kesedaran diri; serta rasa ingin tahu & pembelajaran sepanjang hayat, juga semakin diiktiraf sebagai ciri penting yang membantu pekerja berkembang dalam persekitaran dinamik.

Menjelang tahun 2027, enam daripada 10 pekerja akan memerlukan latihan tambahan bagi kekal berdaya saing. Tumpuan utama dalam usaha peningkatan kemahiran ini adalah pemikiran analitikal dan pemikiran kreatif. Di samping itu, terdapat penekanan yang semakin tinggi untuk melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang diperlukan bagi memanfaatkan kupayaan AI dan data raya. Tambahan pula, kemahiran kepimpinan & pengaruh sosial juga akan diberi keutamaan sebagai sebahagian daripada strategi latihan kemahiran yang lebih meluas.

### Perkembangan Kemahiran Teras Pekerja dalam Tempoh 5 Tahun Akan Datang



Sumber: Laporan Masa Depan Pekerjaan 2023 oleh Forum Ekonomi Dunia

Selain itu, firma menekankan mengenai halangan utama dalam transformasi industri, terutamanya jurang kemahiran dan kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja. Bagi menjawab isu ini, 48% firma menyatakan bahawa menambah baik perkembangan pekerja dan proses kenaikan pangkat sebagai strategi utama untuk meningkatkan ketersediaan pekerja, mengatasi usaha seperti menawarkan gaji yang lebih tinggi (36%) dan kemahiran semula & peningkatan kemahiran yang berkesan (34%). Firma juga menyatakan bahawa pelaburan dalam peluang pembelajaran serta latihan di tempat kerja, serta automasi proses merupakan strategi tenaga kerja utama yang dirancang untuk diterapkan bagi mencapai matlamat perniagaan mereka.



## Sorotan Khas

# Dasar TVET Negara 2030

Malaysia telah mengambil langkah penting ke arah memupuk tenaga kerja berkemahiran dan bersedia untuk masa depan dengan pelancaran Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (*Technical & Vocational Education and Training*, TVET) Negara 2030 pada bulan Jun 2024. Inisiatif ini menekankan peranan penting TVET dalam menangani jurang kemahiran negara dan menyediakan rakyat Malaysia dengan kompetensi yang diperlukan untuk berjaya dalam ekonomi global yang berdaya saing dan dipacu inovasi.

Dari segi tadbir urus, Majlis TVET Negara telah ditubuhkan pada tahun 2020 untuk memantau dan menambah baik penyalaras dalam ekosistem TVET. Selaku badan tertinggi dalam membuat keputusan, Majlis ini juga bertanggungjawab untuk merangka hala tuju strategik dan rangka kerja dasar TVET di negara ini. Sementara itu, TVET dipantau oleh dua pihak berkuasa utama iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA). Mereka diberi tanggungjawab untuk memastikan akreditasi dan kawalan kualiti bagi program yang ditawarkan oleh penyedia TVET, sekali gus mengekalkan integriti dan piawaian pendidikan vokasional. Sehingga Oktober 2024, ekosistem TVET melibatkan 1,398 institusi yang disusun secara strategik di seluruh negara. Ini termasuk 701 institusi awam yang dikendalikan oleh Kementerian di bawah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, beserta 697 institusi swasta.

Melihat kepada prestasi TVET yang lepas, Institut Penyelidikan Khazanah menekankan trend jangka panjang yang berterusan dalam hasil kebolehpasaran yang kukuh bagi graduan TVET berbanding graduan daripada institusi tempatan. Sejak tahun 2012, graduan TVET mendapat pekerjaan dengan kadar yang meningkat dari 65.5% pada tahun 2010 kepada 87.6% pada tahun 2020. Dalam masa yang sama, peratusan graduan TVET yang kekal menganggur selepas tamat pengajian menurun secara ketara, daripada 34.5% pada tahun 2010 kepada hanya 12.4% pada tahun 2020. Statistik terkini juga menunjukkan bahawa graduan TVET mendapat pekerjaan dengan kadar yang membanggakan. Kadar kebolehpasaran graduan TVET meningkat kepada 94.5% pada tahun 2023, melebihi sasaran Kerajaan sebanyak 86.7% untuk tahun 2025 iaitu lebih awal daripada yang dijadualkan. Penemuan ini membuktikan keberkesan pendidikan vokasional dalam memenuhi permintaan pasaran pekerja.

Mengalih tumpuan semula kepada Dasar TVET, dasar tersebut menyediakan rangka kerja yang menyeluruh untuk menangani landskap TVET yang berkembang sejajar dengan cabaran yang muncul susulan teknologi membangun. Dasar TVET menggariskan lima teras strategik yang merangkumi 23 strategi utama dan 67 inisiatif. Kejayaan pelaksanaan Dasar ini memerlukan penyertaan aktif semua pemegang taruh yang berkaitan, dipandu oleh rangka kerja yang diperincikan di bawah.





Rangka kerja dasar ini memberi tumpuan kepada lima elemen utama yang penting untuk menangani cabaran semasa dan membentuk pelaksanaan masa depan – tadbir urus, kualiti, kerjasama industri, pembiayaan dan penjenamaan.

### I. Tadbir Urus

Kekurangan penyelarasan menghalang kemajuan dalam mencapai matlamat agenda TVET negara memandangkan pelaksana program berada di pelbagai Kementerian, agensi, Kerajaan Negeri serta sektor swasta. Hal ini menyebabkan pertindihan fungsi dan skop dalam melaksanakan program, manakala penyelarasan yang terhad dalam pengumpulan data menjadikan perancangan menjadi tidak teratur. Akibatnya, timbul perspektif yang tidak tepat mengenai landskap TVET negara.

Isu ini ditangani dengan mewujudkan sistem tadbir urus yang menyeluruh dan bersinergi untuk menambah baik penyelaras; merangka dasar mengenai ekosistem TVET; mewujudkan platform digital untuk perkongsian data; memperluas akses kepada program TVET; dan mencipta model tidak berpusat bagi memberi mandat atau tanggungjawab bersama kepada Kerajaan Negeri atau koridor ekonomi untuk membangunkan modal insan yang berkemahiran.

### II. Kualiti

Kualiti program TVET dan graduan sering kali dipersoalkan. Jurang dalam pengetahuan & pengalaman industri dalam kalangan penyedia TVET juga menimbulkan keimbangan dan mengakibatkan ketidakpadanan kemahiran dan keperluan industri. Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal untuk program TVET, meskipun masih di peringkat awal, dilihat tidak cukup menyeluruh dan telah menyebabkan kekeliruan berkenaan kualiti dan pensijilan program TVET. Pemain industri menyatakan bahawa kurikulum TVET sedia ada perlu selari dengan keperluan industri bagi mengelakkan persepsi negatif terhadap kualiti program ini.

Isu ini akan ditangani melalui pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal untuk program TVET; penyelarasan yang lebih baik dalam tawaran dan pelaksanaan program TVET berdasarkan hala tuju ekonomi negara; pembangunan kurikulum dan pensijilan TVET yang lebih berkualiti dan responsif terhadap keperluan industri; meningkatkan kualiti pengajar TVET dan penyampaian program; menambah baik penyusunan laluan TVET; serta meningkatkan kebolehpasaran dan mobiliti graduan TVET.



### **III. Kerjasama Industri**

Institut Penyelidikan Khazanah melaporkan bahawa terdapat ketidakpadanan antara keperluan industri dan kemahiran graduan TVET berikutan penglibatan industri yang tidak mencukupi dalam ekosistem TVET. Dasar untuk menggalakkan penyertaan industri dalam ekosistem TVET negara adalah penting kerana TVET yang dipacu oleh industri bukan sahaja akan menyokong keperluan industri tetapi juga meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET.

Kerjasama membina dengan industri akan dipupuk melalui perkongsian kepakaran dan pengetahuan mengenai teknologi terkini antara industri & penyedia TVET; memperluas insentif istimewa untuk menggalakkan penglibatan industri; dan merangka peruntukan undang-undang atau dasar untuk penglibatan industri.

### **IV. Pembiayaan**

Rangka kerja untuk model pembiayaan mampan merupakan kunci kejayaan agenda TVET negara. Beberapa isu utama dalam pembiayaan TVET adalah input belanjawan yang berpusat, birokrasi, kekurangan yuran yang seragam dan yang paling penting, kebergantungan sepenuhnya kepada pembiayaan Kerajaan. Kelemahan dalam pengurusan kewangan juga berlaku seperti penyaluran dana yang hanya berdasarkan rekod perbelanjaan dan pendaftaran pelajar pada tahun sebelumnya, tanpa mengambil kira prestasi sebenar penyedia latihan yang terlibat.

Di bawah rangka kerja dasar tersebut, satu model pembiayaan mampan akan dibangunkan, dengan peruntukan dana daripada Kerajaan akan berdasarkan prestasi bagi memberi insentif kepada penyedia TVET serta membangunkan model operasi yang mampan untuk institusi.


### **V. Penjenamaan**

Penjenamaan TVET di peringkat nasional adalah diperlukan bagi mengelakkan kekeliruan mengenai program TVET di pasaran. Buat masa ini, tiada penjenamaan tunggal dalam promosi program TVET yang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian atau Agensi, menyebabkan promosi yang tidak terselaras dan hanya menumpu kepada identiti pelaksana serta program masing-masing.

Bagi menangani isu ini, penjenamaan nasional tunggal akan dibangunkan dan TVET akan dipromosikan sebagai pilihan utama kerjaya melalui promosi yang diselaraskan dan berimpak tinggi bagi meningkatkan imej TVET. Peranan kaunselor kerjaya juga akan diperkuuh untuk membantu dalam mempromosi TVET sebagai kerjaya pilihan.

Selain itu, susulan kemunculan industri baharu dan selaras dengan dokumen dasar negara, dasar TVET bertujuan untuk memupuk tenaga kerja yang berkualiti tinggi bagi menyokong industri berpertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi yang berpotensi. Dasar ini memberi tumpuan terutamanya kepada industri yang bersedia untuk pembangunan pesat termasuk peralihan tenaga, teknologi & digital, elektrikal & elektronik, pertanian & berasaskan agro serta industri nadir bumi. Malahan, PMKS dapat mengatasi cabaran yang berkaitan dengan memperoleh pekerja asing berkemahiran dengan memanfaatkan sumber tenaga kerja yang boleh dipercayai di dalam negara. Perubahan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan tenaga kerja, tetapi juga membekalkan tenaga kerja tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk memacu inovasi, menyokong kemampuan dan memupuk pertumbuhan jangka panjang dalam industri kritikal ini.

Secara keseluruhan, Dasar TVET Negara 2030 menekankan peranan penting kerjasama antara Kerajaan, institusi TVET awam & swasta serta pemain industri dalam memajukan modal insan negara. Dengan menggembung usaha secara bersama, dasar ini berfungsi sebagai alat penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Dasar ini berhasrat bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk sedia ada tetapi juga untuk meletakkan asas bagi masa depan yang makmur dan berdaya tahan untuk generasi yang akan datang.



## Sorotan Khas

# Kedudukan Daya Saing Dunia 2024

Sejak mula diperkenalkan 36 tahun yang lalu, Kedudukan Daya Saing Dunia (*World Competitiveness Ranking*, WCR) yang dikeluarkan oleh Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa (International Institute for Management Development, IMD) telah menyediakan analisis daya saing ekonomi melalui data sebenar statistik dan kaji selidik. Kedudukan daya saing negara merupakan alat yang berharga untuk memandu pembentukan dasar dan prestasi negara serta berfungsi sebagai penanda aras dalam mengukur kemajuan dan mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan.

Kedudukan negara diperoleh daripada analisis data sebenar (*hard data*) berdasarkan statistik rasmi berkaitan ekonomi & produktiviti dan data lembut (*soft data*) melalui kaji selidik dalam kalangan 100 Ketua Pegawai Eksekutif syarikat dari setiap negara untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai keadaan operasi perniagaan. Kedudukan keseluruhan diperoleh melalui analisis data yang dikategorikan di bawah empat faktor utama iaitu prestasi ekonomi, kecekapan Kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur, beserta 20 subfaktor (lihat rajah di bawah).

### Prestasi Ekonomi

Penilaian makroekonomi ke atas ekonomi dalam negeri, trend guna tenaga dan harga.

- Ekonomi Dalam Negeri
- Perdagangan Antarabangsa
- Pelaburan Antarabangsa
- Guna Tenaga
- Harga

### Kecekapan Kerajaan

Keterbukaan dasar Kerajaan dalam menyokong daya saing.

- Kewangan Awam
- Dasar Cukai
- Rangka Kerja Institusi
- Perundangan Perniagaan
- Rangka Kerja Sosial

### Kecekapan Perniagaan

Tahap persekitaran negara dalam menggalakkan firma untuk bertindak secara inovatif, menguntungkan dan bertanggungjawab.

- Produktiviti
- Pasaran Pekerja
- Kewangan
- Amalan Pengurusan
- Sikap dan Nilai

### Infrastruktur

Tahap sumber asas, teknologi, saintifik dan sumber manusia dalam memenuhi keperluan perniagaan.

- Infrastruktur Asas
- Infrastruktur Teknologi
- Infrastruktur Saintifik
- Kesihatan dan Alam Sekitar
- Pendidikan

Kedudukan Daya Saing Dunia 2024, meliputi 67 ekonomi, menunjukkan bahawa ekonomi paling berdaya saing menampilkan gabungan prestasi ekonomi yang kukuh daripada sektor awam & swasta yang cekap dan berkesan, infrastruktur berkualiti tinggi dan modal insan & sosial yang disokong oleh produktiviti dan kemakmuran yang seterusnya menjana pendapatan dan kualiti hidup yang lebih tinggi di samping memelihara alam sekitar dan perpaduan sosial.

Kedudukan itu juga menunjukkan bahawa pasaran membangun seperti China, India, Malaysia, Thailand dan Chile, sedang mengejar ekonomi maju, terutamanya dalam inovasi, pendigitalan dan kepelbagaian.



### **Kedudukan Daya Saing Malaysia**

Malaysia berada di kedudukan ke-34 dalam Kedudukan Daya Saing Dunia 2024 dalam kalangan 67 negara, menurun daripada kedudukan ke-27 pada tahun 2023, menandakan peluang untuk penambahbaikan dan pertumbuhan strategik. Dalam faktor Prestasi Ekonomi, Malaysia jatuh ke kedudukan ke-8, didorong sebahagian besarnya oleh subfaktor ekonomi dalam negeri yang menjadi sederhana (daripada kedudukan ke-16 pada 2023 kepada kedudukan ke-35 pada 2024) memandangkan negara menyesuaikan diri dengan dinamik pascapandemik. Dalam faktor Kecekapan Kerajaan, kedudukan Malaysia merosot daripada tempat ke-29 pada 2023 kepada tempat ke-33 pada 2024, dengan penurunan paling ketara diperhatikan dalam subfaktor Perundangan Perniagaan yang jatuh daripada kedudukan ke-45 kepada kedudukan ke-50.

Mencerminkan trend yang serupa, faktor Kecekapan Perniagaan menyaksikan penurunan daripada kedudukan ke-32 pada 2023 kepada kedudukan ke-40 pada 2024, dengan penurunan merudum dalam subfaktor Produktiviti & Kecekapan (kedudukan ke-36 kepada kedudukan ke-53) dan Amalan Pengurusan (kedudukan ke-31 kepada kedudukan ke-42). Salah satu faktor penyumbang kepada kemerosotan ini adalah penunjuk PMKS yang jatuh daripada kedudukan ke-41 kepada kedudukan ke-51. Metrik ini yang berdasarkan data kaji selidik menilai permatuhan firma kepada piawaian antarabangsa, menekankan keperluan untuk mengukuhkan daya saing global PMKS yang merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dalam keadaan yang lebih stabil, faktor Infrastruktur mengekalkan kedudukannya di tempat ke-35, menyediakan platform yang kukuh untuk usaha pembangunan masa depan.

Secara keseluruhan, prestasi Malaysia mencerminkan peningkatan yang baik dalam beberapa bidang seperti penerimaan pelancongan, pertumbuhan penduduk dan pengurusan inflasi, sekali gus menonjolkan daya tahan dan kemajuan sebagai sebuah negara. Buku Tahunan Daya Saing Dunia 2024 oleh IMD juga melaporkan bahawa Malaysia berdepan beberapa cabaran penting pada tahun 2024 yang memerlukan tumpuan strategik untuk mengekalkan momentum ekonomi dan daya saing global. Keutamaan yang penting adalah untuk meningkatkan daya saing termasuk menaikkan pelaburan dalam penyelidikan & pembangunan bagi memperkuuh daya tahan perniagaan dan inovasi. Mengoptimumkan pasaran pekerja untuk meningkatkan produktiviti tenaga kerja adalah penting, berserta dengan mengemaskini dasar & peraturan agar selari dengan piawaian global yang berkembang. Memanfaatkan teknologi maju adalah perlu untuk memacu pertumbuhan produktiviti, manakala menangani kenaikan kos melalui peningkatan produktiviti bersasar akan membantu mengekalkan kestabilan ekonomi. Inisiatif ini akan meletakkan Malaysia secara berkesan dalam menangani cabaran dan membuka peluang pertumbuhan baru.